

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 7 OGOS 2015 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Bina kilang komersial produk inovasi negara	Utusan Malaysia
2	MOSTI lulus pembiayaan RM3.8 bilion bagi 6,279 dalam RMK9- dan RMK-10	Bernama.com
3	MOSTI akan tubuh syarikat sendiri untuk komersialkan produk inovasi	Bernama.com
4	Mosti looks to form company to commercialise local innovations	The Star Online
5	MB: No halt to bauxite mining	The Star
6	'Shutting down mines best option'	New Straits Times
7	Masa depan perlombongan bauksit diketahui selepas hasil kajian AELB dikeluarkan	Bernama.com

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 26
TARIKH : 7 OGOS 2015 (JUMAAT)

Bina kilang komersial produk inovasi tempatan

PULAU PINANG 6 Ogos - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) merancang menubuhkan syarikat dan kilang sendiri untuk mengkomersialkan produk inovasi tempatan supaya diterima masyarakat.

Timbalan

Menterinya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, beliau akan membentangkan kertas cadangan itu kepada kerajaan supaya syarikat atau kilang diwujudkan di bawah kementerian tersebut untuk tujuan pengkomersialan produk.



**ABU BAKAR
MOHAMAD DIAH**

Menurut beliau, syarikat atau kilang itu akan diserahkan kepada pihak swasta selepas produk-produk berkenaan diterima orang ramai.

Tambahnya, usaha itu penting mengambil kira banyak produk inovasi tempatan tidak mendapat sambutan masyarakat walaupun selepas dikomersialkan.

"Bagi mengatasi masalah ini, saya akan mencadangkan kementerian mengambil alih tugas pengkomersialan produk supaya dapat memberikan keyakinan kepada masyarakat menggunakan produk tempatan," katanya.

Beliau ditemui pemberita dalam majlis Persidangan Antarabangsa *Recent Advances in Material, Mineral and Environment* anjuran Universiti Sains Malaysia (USM), di sini malam tadi.

Dalam perkembangan berkaitan, Abu Bakar berkata, pihaknya juga menyasar mengeluarkan sehingga 360 produk berimpak tinggi menjelang 2020.

Bagi mencapai sasaran tersebut tambah beliau, negara perlu mengeluarkan sekurang-kurangnya 60 produk berimpak tinggi setiap tahun.

Setakat ini, sebanyak 63 produk inovasi telah dikeluarkan dan beliau yakin sasaran tersebut mampu dicapai berdasarkan budaya inovasi negara yang tinggi.

"Sasaran itu juga tidak mustahil kerana setakat ini kerajaan telah menyediakan sejumlah RM924 juta sebagai geran penyelidikan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 dengan sebanyak 1,712 projek telah diluluskan," katanya.



MOSTI Lulus Pembiayaan RM3.8 Bilion Bagi 6,279 Projek Dalam RMK-9 Dan RMK-10

TRONOH, 6 Ogos (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi(MOSTI)** telah meluluskan 6,278 projek Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan (R,D&C) dengan dana bernilai RM3.82 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan RMK-10.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Dian berkata daripada jumlah itu, sebanyak 4,566 projek bernilai RM2.89 bilion diluluskan dalam RMK-9 (2006-2010) manakala 1,712 projek bernilai RM924.06 juta pada RMK-10 (2011-2015).

"Sebanyak 3,906 projek telah berjaya disiapkan ketika RMK-9 manakala 495 projek berjaya disiapkan bagi RMK-10 setakat ini.

"Dalam tempoh RMK-10, sebanyak 474 harta intelek telah dihasilkan dengan RM602.53 juta hasil jualan, selain 63 projek berjaya dikomersialkan," katanya kepada Bernama selepas menutup Pertandingan Sains dan Kejuruteraan 35 (SEDEX35) di Kompleks Canselor, Universiti Teknologi Petronas (UTP), di sini Khamis.

Hadir sama Canselor UTP, Datuk Ir Dr Abdul Rahim Hashim dan Timbalan Naib Canselor (Akademik), Prof Ir Dr Ahmad Fadzil Mohamad Hani.

SEDEX35 menyaksikan sebanyak lima kategori dipertandingkan iaitu kategori Cabaran Inovasi Terbuka, Penyelidikan Lepas Ijazah, Projek Pasukan kejuruteraan, Projek Tahun Akhir dan Cabaran Pencipta Muda.

Pengarah SEDEX35, Lye Kelvin berkata pertandingan berkenaan dianjurkan bagi mencungkil bakat peserta khususnya dalam kalangan pelajar dalam sektor sains dan inovasi untuk mengatasi isu global pada masa akan datang.

Sebanyak 175 kumpulan yang terdiri daripada pelajar UTP, pelajar sekolah dan orang awam menyertai pertandingan dua hari itu.

-- BERNAMA



MOSTI Akan Tubuh Syarikat Sendiri Untuk Komersialkan Produk Inovasi

GEORGE TOWN, 6 Ogos (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** merancang menubuhkan syarikat dan kilang sendiri untuk mengkomersialkan produk-produk inovasi tempatan supaya diterima masyarakat.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata beliau akan membentangkan kertas cadangan itu kepada kementerian supaya syarikat atau kilang diwujudkan di bawah MOSTI untuk tujuan pengkomersialan produk.

Menurutnya banyak produk inovasi tempatan tidak mendapat sambutan masyarakat tempatan walaupun sudah dikomersialkan.

"Saya gembira terhadap budaya inovasi negara, namun budaya untuk menggunakan produk inovasi tempatan serta jualan produk inovasi tempatan sangat rendah.

"Bagi membantu mereka, saya akan mencadangkan kepada Menteri MOSTI supaya kita mengambil alih tugas pengkomersialan produk supaya dapat memberikan keyakinan kepada masyarakat untuk mengguna produk tempatan," katanya kepada pemberita sebelum merasmikan persidangan antarabangsa 'Recent Advances in Material, Mineral and Environment' anjuran Universiti Sains Malaysia di sini hari ini.

Beliau berkata syarikat atau kilang itu akan diserahkan kepada pihak swasta selepas produk-produk itu diterima oleh masyarakat. Sementara itu, Abu Bakar berkata pihaknya juga menyasarkan untuk mengeluarkan sehingga 360 produk berimpak tinggi menjelang 2020.

Katanya bagi mencapai sasaran tersebut, negara perlu mengeluarkan sekurang-kurangnya 60 produk berimpak tinggi setiap tahun.

"Setakat ini, 63 produk inovasi telah dikeluarkan, dan saya yakin sasaran itu mampu dicapai berdasarkan budaya inovasi negara yang tinggi," katanya.

Beliau berkata setakat ini kerajaan telah menyediakan RM924 juta sebagai geran penyelidikan dalam Rancangan Malaysia Ke-10, dan sebanyak 1,712 projek telah diluluskan.



Mosti looks to form company to commercialise local innovations

GEORGE TOWN: Science Technology and Innovation Ministry (Mosti) plans to form its own company or plant to commercialise local innovations to gain acceptance.

Deputy Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah said he would be tabling a paper for this purpose as many innovations had not received support locally although commercialised.

"I am very happy with the culture of innovation in the country, even if the use of local products arising from it is low, alongside sales.

"To assist the local innovators, I am proposing to the Mosti Minister that we take over the task of commercialising the products to provide the confidence for people to use it," he added.

He told reporters this after officiating an international conference on "Recent Advances in Material, Mineral and Environment", organised by Universiti Sains Malaysia here on Thursday.

Meanwhile, Abu Bakar said Mosti aims to produce up to 360 high impact products by 2020.

"To achieve this target, Malaysia needs to produce at least 60 such products annually," he said. "To date, 63 innovative products have been produced, and I hope the target can be achieved based on the nation's strong innovative culture."

He said that to-date the Government had given out RM924mil as research grants under the 10th Malaysia Plan, with 1,712 projects approved. -
Bernama

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 24
TARIKH: 7 OGOS 2015 (JUMAAT)



Problem in the air: Workers hosing down vehicles covered in bauxite dust in the Kuantan Port area.

MB: No halt to bauxite mining

Many earn good living from activity, says Adnan

By ONG HAN SEAN
hansean@thestar.com.my

KUANTAN: Pahang cannot immediately put a stop to bauxite mining because it has to consider those earning a living off it, says Datuk Seri Adnan Yaakob.

The Menteri Besar said bauxite mining generated economic activities that had spin-off effects in the state.

"For example, we can see lorry drivers who used to earn RM1,500 to RM2,000 a month now taking home RM7,000 to RM8,000," Adnan said at his office here yesterday.

"Petrol kiosks, workshops and hawkers are also doing good business because of the mining activities."

Adnan was responding to a news report alleging that unregulated mining had released radioactive materials into the environment, with rivers and roads tainted red by lorries transporting bauxite.

Bauxite, or aluminium ore, is the world's primary source of aluminium.

He said Felda Bukit Goh settlers had also pleaded with him to allow them to carry out bauxite mining on their land, located about 50km from Kuantan Port.

"The problem is in fact very simple. It is caused by lorry drivers who do not adhere to regulations and who do not have ethical values."

"Otherwise, everything will be all right.

"We welcome criticism but at the moment, we are relying on the enforcement efforts of relevant agencies.

"To date, the Land and Mines Office has seized 125 lorries while the police have issued 677 summonses," he said, adding that efforts were in place to reduce the inconveniences faced by the public.

Police summonses are for offences like speeding, while the Land Office went after the lorries for transporting bauxite without permits, or misusing laterite transportation licences to carry bauxite.

Adnan added that the Science, Technology and Innovation Minister Datuk Wilfred Madius Tangau would be visiting the bauxite mines and affected sites on Monday.

On Wednesday, Adnan said the Department of Environment and the Atomic Energy Licensing Board (AELB) had collected water, soil and bauxite samples to be tested for radioactivity levels, with results to be known in a month's time.

"The question on people's mind is why the state government can't close down everything, but that is a separate matter. Whatever it is, we will wait for the outcome from the minister's visit and AELB's findings.

"There are pros and cons to this issue, but we hope to arrive at a settlement where every aspect of the community will be taken care of."

'Shutting down mines best option'

BAUXITE ORE: Great repercussions otherwise, warns Dr Hilmi of health risks

AUDREY DERMAWAN
GEORGE TOWN
audreymd@nst.com.my

SHUTTING down all bauxite mines in Pahang is the most effective solution to the worsening health and environmental hazards due to bauxite contamination, Deputy Health Minister Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya said.

He said there would be great repercussions if bauxite mining operations were not halted.

As such, Dr Hilmi said, all stake-

holders, including the ministry, the Natural Resources and Environment Ministry and the Pahang government should put their heads together to come up with the best possible solution.

He said the ministry was aware of what was happening, particularly over bauxite contamination, as it had been monitoring the situation for a long time and collecting samples for testing.

"The increase in bauxite mining activities in recent times has contributed to the increase in a number of health complications, such as respiratory and allergy problems. This is not good in the long run, as it can lead to cancer.

"Immediate action to address the

problem is very much needed.

"The best solution is to shut down the bauxite mines, but there are many things we have to consider first," he said here yesterday.

He was commenting on the series of exposes by the *New Straits Times* on the matter over the past three days. The NST ran articles based on surveys and laboratory findings of contamination in a stream and seawater off Pahang. Among the findings were elements of heavy metals, arsenic and radiation,

which were tested to be above permissible levels, when water samples from areas near mining operations were analysed at an independent laboratory.

Dr Hilmi said the ministry's find-

ings from the numerous samples tested were also similar to those highlighted by the NST.

"We have tested various samples. Fish, vegetables, etc. We, too, found heavy metals and arsenic in some of them."

Dr Hilmi cautioned the people to be extremely careful when consuming such fishes and vegetables, adding that they would only know if the items were contaminated if the samples were tested.

On Wednesday, Pahang Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob dismissed the shutting down of bauxite mining operations in the state, stressing that "issues like loss of income for landowners, mining workers, including lorry drivers, needed to be considered, too".

He had, however, stressed that the state government's main concern was to protect the health of the peo-

ple and the environment. Adnan also thanked the NST for highlighting the bauxite mining threat issue and said the reports would help the state government in tackling the problem and educate the miners to be more careful in their operations.

In **Kuantan**, Adnan said the state government would base its decision on the future of bauxite mining here on the investigations of the Atomic Energy Licensing Board (AELB).

He said the results of an analysis on water, earth and bauxite samples by AELB would be the determinant as to whether to shut down bauxite mining operations in the district.

"When AELB's results are out, hopefully, we will come to a decision. I have never indicated that the economic stakes are so high that we cannot act (for the sake of the people)," he said at his office here yesterday.



Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya



Masa Depan Perlombongan Bauksit Diketahui Selepas Hasil Kajian AELB Dikeluarkan

KUANTAN, 6 Ogos (Bernama) -- Masa depan aktiviti perlombongan bauksit di sini akan ditentukan selepas hasil kajian **oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB)** ke atas sampel bumi, air dan bauksit diambil dari kawasan lombong bauksit diumumkan.

Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, beliau tidak mahu membuat pra penilaian mengenai keadaan dan ia adalah perkara yang wajar untuk mereka menunggu hasil kajian konklusif daripada analisis, yang dijangka diketahui dalam masa sebulan.

Selain itu, beliau berkata, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar dijadual melawat beberapa tapak perlombongan bauksit di sini pada Isnin.

"Lawatan tersebut berdasarkan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak. Semasa lawatan, Wan Junaidi akan mendengar taklimat agensi-agensi negeri yang berkaitan.

"Saya telah mengarahkan setiausaha kerajaan negeri (Datuk Seri Muhammad Safian Ismail) untuk menyediakan butiran taklimat dan membawa menteri melawat ke Sungai dan Pantai Pengorak, Gebeng dan Bukit Goh (tempat aktiviti perlombongan dijalankan)," kata beliau kepada pemberita di sini hari ini.

Adnan berkata beliau dan Wan Junaidi juga dijadual mengadakan mesyuarat selepas lawatan itu untuk membincangkan berhubung tindakan yang harus diambil bagi menangani situasi.

Beliau juga menjelaskan kerajaan negeri memandang serius perkara itu tetapi tidak boleh menutup operasi perlombongan bauksit dengan serta-merta kerana ia menjana pendapatan bagi sesetengah pihak.

Ini termasuk pemandu lori, pemilik bengkel dan penjaja kecil di sekitar kawasan operasi lombong bauksit, katanya.

"Saya tidak pernah berkata bahawa kesan ekonomi adalah begitu tinggi sehingga kita tidak boleh mengambil tindakan tetapi sekarang, kita harus juga memberi pertimbangan kepada mereka yang bergantung kepadanya untuk hidup.

"Masalah itu berpunca daripada pengusaha dan pemandu lori yang tidak mematuhi peraturan. Mudah-mudahan, kita dapat mencari penyelesaian dengan kepentingan semua pihak diambil kira,' katanya.

Adnan berkata, pada masa ini, Kerajaan Negeri bergantung kepada usaha penguatkuasaan oleh pihak berkuasa bagi mengurangkan masalah yang dihadapi oleh ramai disebabkan lori yang terlibat dalam pengangkutan bauksit.

Sebagai contoh, Adnan berkata, Jabatan Galian dan Tanah negeri telah merampas 125 lori sementara 677 saman dikeluarkan oleh polis kerana pelbagai kesalahan semasa mengangkut bahan itu.

-- BERNAMA